

18 DEC 2003

Baleh-IDP

TAMAN BERSEPADU "MENJINAKKAN" GUNUNG KUDA DI SARAWAK

Laporan Khas oleh Frankie L. Labang

KUCHING: Kerajaan Sarawak merancang untuk memajukan 12,000 hektar tanah untuk membangunkan Taman Pembangunan Bersepadu (IDP) di kaki bukit Gunung Kuda di Baleh, bahagian Kapit, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Menteri Urbanisasi dan Pembangunan Sosial Sarawak Datuk Seri Dr James Jemut Masing yang juga ahli dewan undangan Baleh berkata pelan tindakan untuk taman di bahagian tengah Sarawak itu, antara lain akan memastikan projek pembangunan di IDP tidak memberi kesan negatif ke atas biodiversiti dan persekitaran bersih yang sedia ada.

Kerajaan ingin terus mengekalkan kehidupan dan tumbuhan liar yang sedia ada, kawasan tadahan dan juga cawang-cawang Sungai Tunoh yang membekalkan air kepada penghuni rumah panjang di kawasan pengundian Baleh.

"Kerajaan negeri mengalu-alukan penglibatan sektor swasta untuk menggerakkan pembangunan di kaki bukit dan usaha mereka ini mendapat sokongan kuat kerajaan," katanya kepada Bernama.

Kawasan yang akan dimajukan mempunyai bekalan air yang mencukupi kerana sumbernya datang dari Sungai Tunoh, yang juga cawang Sungai Melinau.

SOKONGAN SEKTOR SWASTA

Beliau berkata kerajaan akan menyediakan peruntukan yang sewajarnya untuk membangunkan IDP tetapi modal permulaan untuk menggerakkan kemudahan infrastruktur harus datang daripada sektor swasta.

Dr Masing berkata antara infrastruktur itu ialah bekalan elektrik, air, perumahan kos rendah dan sederhana yang mampu dibeli oleh rakyat, sekolah rendah dan menengah, klinik dan kedai.

"Baleh di kawasan tengah Sarawak telah dinamakan sebagai destinasi eko-pelancongan oleh Kerajaan Persekutuan dan oleh itu ia memiliki banyak potensi untuk dibangunkan," katanya.

Unit Perancangan Negeri (SPU) telah menjalankan penyelidikan ke atas IDP yang dicadangkan di kaki bukit dengan hasrat untuk memastikan para pelabur dapat meraih pulangan yang lumayan untuk jangka panjang, katanya.

Dr Masing yakin walaupun kira-kira RM3 bilion diperlukan untuk membangunkan IDP secara berperingkat dalam jangka masa 15 tahun, namun projek itu boleh menjadi kenyataan.

TANAH SUBUR

"Faktor-faktor seperti kesuburan tanah dan kesesuaian serta suhu rendah sepanjang tahun di Gunung Kuda amat sesuai untuk tanaman kontan," tambahnya.

Buat permulaan, tanaman kontan seperti brokoli dan kubis bunga ditanam secara percubaan dan setakat ini, hasilnya agak memuaskan. Dalam pada kecanggihan teknologi boleh mempercepatkan pembangunan di kaki bukit tersebut, kewujudannya secara jangka panjang pula bergantung kepada pekerja mahir yang memiliki kepakaran dan pengalaman yang sesuai, katanya.

"Tanaman segar yang dibungkus secara berkualiti boleh dijual terus di pasar-pasar di Kapit, Sibu, Bintulu, Miri, malah negara jiran yang kaya minyak, Brunei, Kuching serta untuk pasaran eksport," katanya lagi.

"Kita mahu masyarakat Iban yang rajin, punyai pelbagai kepakaran dari Baleh untuk berpindah dengan keluarga mereka untuk mengusahakan IDP. Saya percaya masyarakat Iban yang telah bekerja di kem-kem balak sehingga menjadi penyelia mampu mengusahakan dan menjayakan projek ini," katanya.

Dr Masing berkata masyarakat Iban yang berpindah ke bandar-bandar besar

mempunyai kemahiran keusahawanan dan mereka juga boleh menumpukan kepada peluang-peluang pelaburan.

KERJA UNTUK GOLONGAN MUDA

Beliau menggesa golongan muda, lelaki dan wanita daripada masyarakat Iban di Baleh supaya tidak hanya bekerja untuk tanaman kontan tetapi juga berusaha untuk menguruskan operasi harian, justeru memainkan peranan aktif dalam meningkatkan taraf hidup mereka.

Mengenai sejarah Baleh, beliau berkata sebanyak 40,000 peneroka Iban yang berpindah dari bahagian lain di negeri itu telah memulakan aktiviti perladangan, manakala yang lain terlibat dalam pembalakan kira-kira 80 tahun yang lalu.

"Pada pandangan saya, idea untuk projek itu yang dicetuskan kira-kira 20 tahun yang lalu mempunyai dorongan politik yang kuat bagi menjadikannya sebagai satu kenyataan, disertai dengan penglibatan dan pelaburan yang kukuh daripada sektor swasta, katanya sambil menambah bahawa kerajaan kukuh pimpinan Barisan Nasional boleh menyemarakkan keyakinan para pelabur untuk melabur di negara ini.

Dr Masing berkata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengambil alih teraju kepimpinan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad akan meneruskan kesinambungan keharmonian dan keamanan negara.

"Dengan adanya asas-asas yang kukuh, ekonomi negara akan terus maju di bawah Pak Lah, dan rakyat di Baleh mahu pembangunan yang berterusan oleh kerajaan pimpinan BN," tambah beliau. -- BERNAMA

FLL KGO RR